

**ILUSTRASI DALAM SURAT KHABAR:  
ANALISIS TEMATIK DALAM KONTEKS  
SOSIAL DI SABAH**



**MOHD SAWARI BIN RAHIM**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI & WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2016**

**ILUSTRASI DALAM SURAT KHABAR:  
ANALISIS TEMATIK DALAM KONTEKS  
SOSIAL DI SABAH**



**MOHD SAWARI BIN RAHIM**

**UMS**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI & WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2016**

## **PENAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

5 September 2016

---

Mohd Sawari Bin Rahim  
MC 1211002T




**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **MOHD SAWARI BIN RAHIM**  
NO MATRIK : **MC 1211002T**  
TAJUK : **ILUSTRASI DALAM SURAT KHABAR : ANALISIS TEMATIK  
DALAM KONTEKS SOSIAL DI SABAH**  
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (SENI VISUAL)**  
TARIKH VIVA : **27 SEPTEMBER 2016**

**DISAHKAN OLEH;**

**1. PENYELIA**  
Professor Dr. Ismail Ibrahim



Tandatangan

**UMMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**2. PENYELIA BERSAMA**  
Dr. Humin Jusilin

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W kerana dengan limpah kurniaNya tesis ini telah siap sepenuhnya.

Saya amat berterima kasih kepada penyelia utama saya, Prof. Dr. Ismail Bin Ibrahim dan penyelia bersama iaitu Prof. Madya Dr. Humin Jusilin yang sentiasa memberi bimbingan, bantuan ilmu dan galakan untuk menyiapkan tesis ini. Tidak lupa kepada pihak Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi tawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang membolehkan saya menumpukan sepenuh masa dalam proses menyediakan dan menyiapkan penyelidikan ini. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada Prof. Madya dr. Johari Hamid (UMS), Prof. Madya Baharudin Mohd Arus (UMS), Dr. Mohammad Pu'ad Bebit (UMS), Dr. Zaimie Sahibil (UMS), Dr. Rosmawati Hamzah (IPG Kampus Gaya), Dr. Khalijah Ahmad (IPG Kampus Darul Aman), Siti Nurfatimah Zakaria, Suriati Zakaria, rakan-rakan seperjuangan di IPG Kampus Kent, Pascasiswazah UMS dan Persatuan Seni Visual Sabah (PSVS).

Terima kasih juga saya rakamkan kepada pihak Arkib Negeri Sabah, Muzium Negeri Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, responden penyelidikan Datuk Jamdin Buyong, Datuk Murshidi Nambi dan Dr. Ahmad Suhaimi (UPSI). Budi dan jasa kalian sangat bermakna akan dikenang sepanjang hayat. Tidak lupa kepada bantuan dan sokongan rakan maya Media Sosial Facebook, Kumpulan Sejarah North Borneo/Sabah dan Doctorate Support Group (DSG).

Penghargaan saya kepada isteri tercinta Suraya Hani Zakaria yang sentiasa memahami, bersabar, berkorban demi masa dan anak-anak serta menjadi penyokong setia sepanjang kerja-kerja penyelidikan ini berlangsung, anak-anak yang dikasihi Lailatul Husna, Qatrunnada Fajri Husna dan Salsabila Husna yang banyak memberi kekuatan dan sumber inspirasi kepada saya. Tidak lupa bonda Che Kamelah Jusoh dan ayahanda Rahim Abd Rahman serta ahli keluarga di Pasir Mas Kelantan dan Maran Pahang yang sentiasa mendorong semangat agar terus maju sehingga berjaya.

Segala jasa dan bakti yang dicurahkan, tidak terbalas di halaman penghargaan ini. Hanya Allah Yang Maha Pemurah sahaja yang mampu membalasnya. InsyaAllah. Sekian Terima Kasih.

Mohd Sawari Bin Rahim  
September 2016

## ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan menganalisis ilustrasi dalam 8 jenis surat khabar Sabah pada tahun 1883 hingga 1963 iaitu *North Borneo Herald*, *Kinabalu News Bulletin*, *North Borneo News*, *Anak Sabah*, *Overseas Chinese Daily News (OCDN)*, *North Borneo News & Sabah Times (NBN & ST)*, *Sabah Times* dan *Daily Express*. Analisis tematik digunakan pada 177 data ilustrasi menggunakan kaedah skor penilaian konsep piktorial. Proses ini mengambil kira 3 kriteria iaitu kesatuan tema, representasi kemahiran dan kaitan tipografi bagi mengkategorikan mengikut tema. Justifikasi pemilihan kriteria-kriteria tersebut berpandukan tema ilustrasi iaitu dalam konteks sosial. Hasil dari analisis kandungan tersebut, sebanyak 13 karya ilustrasi diperoleh dan kemudian melalui peringkat seterusnya iaitu proses menganalisis secara lebih mendalam menggunakan pendekatan teori ikonografi oleh Erwin Panofsky (1955). Teori beliau telah mengelaskan tiga tahap iaitu pra-ikonologi, ikonografi dan interpretasi ikonologi untuk memperjelas dan merungkaikan bentuk dan makna secara holistik tentang isu dalam tema karya ilustrasi. Hasil dapatan tersebut, suatu kesimpulan telah dibuat secara berfokus yang akan membawa huraian kepada mesej dan pengajaran kepada masyarakat. Secara keseluruhannya penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah pengkajian sejarah yang bersifat deskriptif. Tiga teknik pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini iaitu teknik pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Kaedah pengumpulan data penyelidikan melibatkan 3 sumber bahan, iaitu sumber primer (data ilustrasi), sumber sekunder (bahan teks) dan lisan (temu bual). Secara ringkasnya, penyelidikan ini membuktikan bahawa penghasilan ilustrasi dalam bentuk representasi atau simbolik digunakan pelukis untuk membuat pernyataan kritikan yang bersifat tegas, lucu, tajam atau menyindir. Tujuannya adalah untuk menyampaikan mesej, nasihat dan pengajaran yang menyandarkan nilai-nilai positif dan moral yang baik kepada masyarakat. Impaknya, kandungan mesej dan pengajaran dalam ilustrasi ini memperlihatkan isu kemasyarakatan yang masih berlaku sejak era sebelum dan pasca kemerdekaan Sabah hingga kini. Sehubungan dengan itu, penyelidikan yang terhasil diharapkan mampu memberi manfaat dalam mendidik dan menimbulkan kesedaran kepada masyarakat sejangat terutama dalam membangunkan sahsiah dan perkembangan diri yang seimbang terhadap emosi, intelek, jasmani dan rohani terutama dalam bidang pendidikan, keselamatan jalan raya, hiburan dan soal kepimpinan dalam masyarakat. Hubungan kekeluargaan juga berperanan penting yang menekankan soal tanggungjawab, amanah, berdikari, menyemai kasih sayang dan didikan agama yang juga masih relevan untuk diketengahkan kepada generasi hari ini. Di samping itu juga, penyelidikan ini diharap dapat mengubah makna serta konsep visual dalam kalangan masyarakat agar berupaya menjadi bentuk dokumentasi sejarah yang penting untuk rujukan generasi hari ini dan akan datang.

## **ABSTRACT**

### **ILLUSTRATIONS IN NEWSPAPER: THEMATIC ANALYSIS IN CONTEXT SOCIAL OF SABAH**

*This research was designed to analyse illustrations in eight types of Sabah's newspapers from the year 1883 until 1963 namely, The North Borneo Herald, Kinabalu News Bulletin, North Borneo News, Anak Sabah, Overseas Chinese Daily News (OCDN), North Borneo News & Sabah Times (NBN & ST), The Sabah Times and Daily Express. Thematic analysis process involved a total of 177 works by using illustration score rating method based on pictorial concept through a series of criteria which work to categorized and distinguish unrelated data. Justification of the criteria selection was made based on the theme of the illustrations which is in the context of social society. From the content analysis, a total of 13 illustration works were obtained and were then went through the next analysis stage using the iconography theory approach by Erwin Panofsky (1955). The theory laid-out a three level iconological analysis; pre-iconographic, iconographic and iconological, to explain and explore the types and the holistic meaning of issues in illustration work themes. The outcome of the analysis brought a focused conclusion elaborating messages and moral values for the society. Overall, this research applied a qualitative approach through descriptive historical and background study. Three methods of data collection used in this research are observations, interviews and document analysis. Data collection method for the studies involved three resources; primary sources (illustrations data), secondary sources (texts) and verbal (interviews). Conclusively, this research proved that creation of illustration in both representative and symbolic nature serves as a tool for the artists to critic in either stern, humoral, intense, or satirize approach. The aim is to deliver social message and advices that are based on positive values and good morality for the society. The impact of such is, the messages contained in the illustrations exhibit social society issues that has been going on since before the declaration of independence of Sabah and is still relevant today. Therefore, through this research, it is hoped to educate and raise awareness in the society especially in developing character and personal growth balanced against emotionally, intellectually, physically and mentally, especially in the field of education, road safety, entertainment and leadership in question community. Family relationships are also important to emphasize the role of responsibility, trust, self-reliance, instil affection and religious teachings are still relevant to today's generation are highlighted. Besides, this research is hoped to be able to transform the meaning and concept of visual in the society so that it could grow to be a form of important historical documentation method for the reference of current and future generation.*

# KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	xii
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Justifikasi Pemilihan Kajian	12
1.7 Kaedah Kajian	16
1.8 Kepentingan Kajian	17
1.9 Batasan Kajian	19
1.10 Definisi Operasional	20
1.10.1 Ilustrasi	20
1.10.2 Surat Khabar	21
1.10.3 Analisis	22
1.10.4 Sosial	22
1.10.5 Tematik	23
1.10.6 Ikonografi	23
1.11 Sistemik Penulisan Laporan Kajian	24
1.12 Penutup	26



<b>BAB 2: TINJAUAN LITERATUR</b>	27
2.1 Pengenalan	27
2.2 Ilustrasi Dalam Konteks Masyarakat Tradisional	27
2.3 Media Komunikasi Visual	36
2.4 Kajian Tentang Ilustrasi	41
2.5 Jenis –Jenis Ilustrasi	46
2.6 Sejarah Perkembangan Ilustrasi Di Dunia	67
2.7 Sejarah Perkembangan Ilustrasi Di Malaya	80
2.8 Sejarah Perkembangan Ilustrasi Di Sabah	88
2.9 Ilustrasi Dalam Persuratkhabaran	95
2.10 Peranan Surat Khabar Kepada Masyarakat	98
2.11 Pelukis Sebagai Jurnalisme Suratkhabar	105
2.12 Tinjauan Interpretasi Bentuk Dan Makna	108
2.12.1 Pendekatan Ikonografi	110
2.12.2 Teori Ikonografi Oleh Erwin Panofsky	113
2.13 Penutup	114
<b>BAB 3: METODOLOGI</b>	116
3.1 Pengenalan	116
3.2 Rekabentuk Kajian	116
3.3 Pengumpulan Data	119
3.3.1 Sumber Primer	119
3.3.2 Sumber Sekunder	119
3.3.3 Sumber Lisan (Temu bual)	119
3.4 Teknik Pengumpulan Data	120
3.4.1 Pemerhatian	120
3.4.2 Temu bual	121
3.4.3 Analisis Dokumen	123
3.5 Matriks Pengumpulan Data	125
3.6 Metod Analisis Kandungan	126
3.6.1 Analisis Konsep Piktorial	126
3.6.2 Analisis Berdasarkan Teori Erwin Panofsky	133
a. Tahap Analisis Pra-ikonografi	134

b.	Tahap Analisis Ikonografi	135
c.	Tahap Analisis Interpretasi Ikonologi	135
d.	Model 'Gabungan Organik'	135
3.6.3	Kesimpulan Mesej dan Pengajaran	143
a.	Kritikan dan Sindiran	143
b.	Nasihat dan Iktibar	144
c.	Nilai Moral	144
d.	Motivasi	145
3.7	Carta Alir dan Teori Penyelidikan	147
3.8	Penutup	150

#### **BAB 4: ANALISIS KAJIAN**

4.1	Pengenalan	151
4.2	Analisis Ilustrasi 1	152
4.2.1	Analisis Tahap Pra-Ikonografi	153
4.2.2	Analisis Tahap Ikonografi	156
4.2.3	Analisis Tahap Interpretasi	159
4.2.4	Kesimpulan Ilustrasi 1	166
4.3	Analisis Ilustrasi 2	170
4.3.1	Analisis Tahap Pra-Ikonografi	171
4.3.2	Analisis Tahap Ikonografi	173
4.3.3	Analisis Tahap Interpretasi	176
4.3.4	Kesimpulan Ilustrasi 2	178
4.4	Analisis Ilustrasi 3	183
4.4.1	Analisis Tahap Pra-Ikonografi	183
4.4.2	Analisis Tahap Ikonografi	185
4.4.3	Analisis Tahap Interpretasi	188
4.4.4	Kesimpulan Ilustrasi 3	193
4.5	Analisis Ilustrasi 4	200
4.5.1	Analisis Tahap Pra-Ikonografi	201
4.5.2	Analisis Tahap Ikonografi	203
4.5.3	Analisis Tahap Interpretasi	205
4.5.4	Kesimpulan Ilustrasi 4	207

4.6	Analisis Ilustrasi 5	213
4.6.1	Analisis Tahap Pra-Ikonografi	214
4.6.2	Analisis Tahap Ikonografi	215
4.6.3	Analisis Tahap Interpretasi	216
4.6.4	Kesimpulan Ilustrasi 5	219
4.7	Analisis Ilustrasi 6	224
4.7.1	Analisis Tahap Pra-Ikonografi	225
4.7.2	Analisis Tahap Ikonografi	226
4.7.3	Analisis Tahap Interpretasi	228
4.7.4	Kesimpulan Ilustrasi 6	231
4.8	Analisis Ilustrasi 7	239
4.8.1	Analisis Tahap Pra-Ikonografi	239
4.8.2	Analisis Tahap Ikonografi	241
4.8.3	Analisis Tahap Interpretasi	242
4.8.4	Kesimpulan Ilustrasi 7	246
4.9	Analisis Ilustrasi 8	250
4.9.1	Analisis Tahap Pra-Ikonografi	250
4.9.2	Analisis Tahap Ikonografi	253
4.9.3	Analisis Tahap Interpretasi	256
4.9.4	Kesimpulan Ilustrasi 8	258
4.10	Analisis Ilustrasi 9	265
4.10.1	Analisis Tahap Pra-Ikonografi	265
4.10.2	Analisis Tahap Ikonografi	268
4.10.3	Analisis Tahap Interpretasi	269
4.10.4	Kesimpulan Ilustrasi 9	273
4.11	Analisis Ilustrasi 10	281
4.11.1	Analisis Tahap Pra-Ikonografi	281
4.11.2	Analisis Tahap Ikonografi	284
4.11.3	Analisis Tahap Interpretasi	287
4.11.4	Kesimpulan Ilustrasi 10	290
4.12	Analisis Ilustrasi 11	296
4.12.1	Analisis Tahap Pra-Ikonografi	296
4.12.2	Analisis Tahap Ikonografi	298

4.12.3	Analisis Tahap Interpretasi	301
4.12.4	Kesimpulan Ilustrasi 11	305
4.13	Analisis Ilustrasi 12	311
4.13.1	Analisis Tahap Pra-Ikonografi	312
4.13.2	Analisis Tahap Ikonografi	314
4.13.3	Analisis Tahap Interpretasi	315
4.13.4	Kesimpulan Ilustrasi 12	316
4.14	Analisis Ilustrasi 13	323
4.14.1	Analisis Tahap Pra-Ikonografi	323
4.14.2	Analisis Tahap Ikonografi	325
4.14.3	Analisis Tahap Interpretasi	328
4.14.4	Kesimpulan Ilustrasi 13	332
<b>BAB 5: RUMUSAN</b>		338
5.1	Pengenalan	338
5.2	Dapatan Kajian dan Perbincangan	338
5.3	Implikasi Kajian	348
5.4	Cadangan	352
5.4	Penutup	353
<b>BIBLIOGRAFI</b>		355
<b>LAMPIRAN</b>		368

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1: Senarai Surat Khabar Awal di Sabah (North Borneo)	3
Jadual 1.2: Jenis Surat Khabar Mengikut Skop Kajian	6
Jadual 1.3: Jumlah Keseluruhan Ilustrasi	6
Jadual 1.4: Ciri-ciri Perbezaan Di Antara Surat Khabar dan Majalah	13
Jadual 1.5: Pemerhatian Awal Ilustrasi Mengikut Kategori	15
Jadual 2.1: Perbezaan Seni Ilustrasi dan Seni Halus di Galeri Seni	44
Jadual 3.1: Matriks Pengumpulan Data	125
Jadual 3.2: Jumlah Data Ilustrasi Dari 8 Jenis Surat Khabar	126
Jadual 3.3: Rubrik Kriteria dan Huraian Tahapan Skor Penilaian Ilustrasi	128
Jadual 3.4: Skor Penilaian Ilustrasi Berdasarkan Konsep Piktorial	129
Jadual 3.5: Justifikasi Pemilihan Kriteria Bagi Menghasilkan Rubrik	132
Jadual 3.6: Data Ilustrasi Yang Telah Dianalisis Mengikut Kategori	133
Jadual 3.7: Nilai yang Berkaitan dengan Perkembangan Diri	147
Jadual 3.7a: Kompetensi Motivasi dan Tindakan Individu	147
Jadual 4.1: Diskripsi Pra-Ikonografi Ilustrasi 1	154
Jadual 4.2: Interpretasi imej ilustrasi dengan aspek psikologi	164
Jadual 4.3: Interpretasi Mesej Kriteria Kritikan dan Sindiran	167
Jadual 4.4: Interpretasi Mesej Kriteria Nasihat dan Iktibar	167
Jadual 4.5: Padanan Nilai-nilai Moral dengan Sikap Di Jalan Raya	168
Jadual 4.6: Interpretasi Mesej Ilustrasi dengan Kriteria Motivasi	169
Jadual 4.7: Diskripsi Pra-Ikonografi Ilustrasi 2	171
Jadual 4.8: Kesan Fizikal Terhadap Penggunaan Visual Ilustrasi 2	174
Jadual 4.9: Interpretasi Mesej Kriteria Kritikan dan Sindiran	178
Jadual 4.10: Interpretasi Mesej Kriteria Nasihat dan Iktibar	179
Jadual 4.11: Padanan Nilai Moral dengan Sikap Rakyat dan Pemerintah	180
Jadual 4.12: Interpretasi Mesej Kriteria Motivasi	182
Jadual 4.13: Diskripsi Pra-Ikonografi Ilustrasi 3	184
Jadual 4.14: Pernyataan Subjek dari imej yang Digunakan	185
Jadual 4.15: Interpretasi Mesej Kriteria Kritikan dan Sindiran	194
Jadual 4.16: Interpretasi Mesej Kriteria Nasihat dan Iktibar	195

Jadual 4.17: Padanan Nilai Dengan Sikap Ketika Menuntut Ilmu	197
Jadual 4.18: Interpretasi Mesej Kriteria Motivasi	199
Jadual 4.19: Diskripsi Pra-ikonografi Ilustrasi 4	202
Jadual 4.20: Interpretasi Terhadap Subjek Utama	204
Jadual 4.21: Faktor Wujudnya Konflik Antara Ibu Bapa dan Remaja	206
Jadual 4.22: Interpretasi Mesej Kriteria Kritikan dan Sindiran	208
Jadual 4.23: Interpretasi Mesej Kriteria Nasihat dan Iktibar	209
Jadual 4.24: Padanan Nilai Moral dengan Gejala Sosial Negatif	210
Jadual 4.25: Interpretasi Mesej Kriteria Motivasi	211
Jadual 4.26: Diskripsi Pra-Ikonografi Ilustrasi 5	215
Jadual 4.27: Ciri-ciri Lelaki "Playboy"	218
Jadual 4.28: Interpretasi Mesej Kriteria Kritikan dan Sindiran	219
Jadual 4.29: Interpretasi Mesej Kriteria Nasihat dan Iktibar	220
Jadual 4.30: Padanan Nilai Moral dengan Sikap Suami dan Isteri	222
Jadual 4.31: Interpretasi Mesej Kriteria Motivasi	223
Jadual 4.32: Diskripsi Pra-Ikonografi Ilustrasi 6	226
Jadual 4.33: Kesan Keباik dan Keburukan "Queen Control"	231
Jadual 4.34: Interpretasi Mesej Kriteria Kritikan dan Sindiran	232
Jadual 4.35: Interpretasi Mesej Kriteria Nasihat dan Iktibar	233
Jadual 4.36: Padanan Nilai Moral dengan Sikap Suami dan Isteri	235
Jadual 4.37: Interpretasi Mesej Kriteria Motivasi	238
Jadual 4.38: Diskripsi Pra-Ikonografi Ilustrasi 7	241
Jadual 4.39: Interpretasi Berdasarkan Kapsyen dan Imej	243
Jadual 4.40: Interpretasi Mesej Kriteria Kritikan dan Sindiran	246
Jadual 4.41: Interpretasi Mesej Kriteria Nasihat dan Iktibar	247
Jadual 4.42: Padanan Nilai Moral dengan Sikap Suami dan Isteri	248
Jadual 4.43: Interpretasi Mesej Kriteria Motivasi	249
Jadual 4.44: Diskripsi Pra-Ikonografi Ilustrasi 8	252
Jadual 4.45: Keganasan Terhadap Pasangan Suami dan Isteri	254
Jadual 4.46: Interpretasi Mesej Kriteria Kritikan dan Sindiran	259
Jadual 4.47: Interpretasi Mesej Kriteria Nasihat dan Iktibar	260
Jadual 4.48: Padanan Nilai Moral Dengan Sikap Suami dan Keluarga	261
Jadual 4.49: Interpretasi Mesej Kriteria Motivasi	263

Jadual 4.50: Diskripsi Pra-Ikonografi Ilustrasi 9	267
Jadual 4.51: Interpretasi Berdasarkan Kapsyen dan Imej	270
Jadual 4.52: Interpretasi Mesej Kriteria Kritikan dan Sindiran	274
Jadual 4.53: Interpretasi Mesej Kriteria Nasihat dan Iktibar	275
Jadual 4.54: Padanan Nilai Moral dengan Sikap Isteri, Suami dan Penjual	277
Jadual 4.55: Interpretasi Mesej Kriteria Motivasi	279
Jadual 4.56: Diskripsi Pra-Ikonografi Ilustrasi 10	283
Jadual 4.57: Interpretasi Mesej Kriteria Kritikan dan Sindiran	291
Jadual 4.58: Interpretasi Mesej Kriteria Nasihat dan Iktibar	292
Jadual 4.59: Padanan Nilai Moral Dengan Sikap yang baik Penggiat Filem	293
Jadual 4.60: Interpretasi Mesej Kriteria Motivasi	295
Jadual 4.61: Diskripsi Pra-Ikonografi Ilustrasi 11	297
Jadual 4.62: Interpretasi Mesej Kriteria Kritikan dan Sindiran	306
Jadual 4.63: Interpretasi Mesej Kriteria Nasihat dan Iktibar	307
Jadual 4.64: Padanan Nilai Moral Dan Sikap Yang Baik Rakyat Malaysia	308
Jadual 4.65: Interpretasi Mesej Kriteria Motivasi	310
Jadual 4.66: Diskripsi Pra-Ikonografi Ilustrasi 12	313
Jadual 4.67: Interpretasi Berdasarkan Kapsyen dan Imej	315
Jadual 4.68: Interpretasi Mesej Kriteria Kritikan dan Sindiran	317
Jadual 4.69: Interpretasi Mesej Kriteria Nasihat dan Iktibar	319
Jadual 4.70: Padanan Nilai Moral Dengan Sikap Pemimpin	320
Jadual 4.71: Interpretasi Mesej Kriteria Motivasi	322
Jadual 4.72: Diskripsi Pra-Ikonografi Ilustrasi 13	324
Jadual 4.73: Interpretasi Mesej Kriteria Kritikan dan Sindiran	332
Jadual 4.74: Interpretasi Mesej Kriteria Nasihat dan Iktibar	333
Jadual 4.75: Padanan Nilai Moral Dengan Sikap Baik	335
Jadual 4.76 : Interpretasi Mesej Kriteria Motivasi	336
Jadual 5.1 : Jumlah Pelukis dan Karya	338

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Imej Lukisan Gua di Lascaux, Perancis dan Gua Addura di Itali	28
Rajah 2.2: Paparan Imej dan Motif Lukisan Gua di Malaysia	32
Rajah 2.3: Seni Yang Melambangkan Sosial dan Budaya Masyarakat	33
Rajah 2.4: Model Proses Komunikasi	36
Rajah 2.5: Proses Komunikasi Dalam Masyarakat	37
Rajah 2.6: Empat Jenis Struktur Dalam Penghasilan Ilustrasi	42
Rajah 2.7: Jenis Ilustrasi Perubatan dan Fesyen	49
Rajah 2.8: Jenis Ilustrasi Penerbitan dan Cerpen	51
Rajah 2.9: Jenis Ilustrasi Teknikal dan Perindustrian	52
Rajah 2.10: Jenis Ilustrasi Dekoratif dan Maklumat	53
Rajah 2.11: Jenis Ilustrasi Lukisan Bergambar Pelbagai Medium	55
Rajah 2.12: Jenis Ilustrasi Kartun Dalam Pelbagai Isu	59
Rajah 2.13: Pengubahsuaian Wajah Asal Kepada Ciri-ciri Karikatur	62
Rajah 2.14: Jenis Ilustrasi Karikatur Mengutarakan Kritikan Sosial	63
Rajah 2.15: Perbezaan Figura Kartun (i) dan Karikatur (ii)	64
Rajah 2.16: Panduan Asas 'Sequential Art' Komik Yang Berkesan	66
Rajah 2.17: Cetakan Blok Kayu Terawal Sebelum dan Selepas Abad ke-15	70
Rajah 2.18: Karya Ilustrasi Dari Cetakan Logam	72
Rajah 2.19: Ilustrasi Dalam Majalah Harpers Weekly (1857-1916)	75
Rajah 2.20: Ilustrasi Pada Abad ke -20	77
Rajah 2.21: Ilustrasi John Held. Jr dan Norman Rokwell	79
Rajah 2.22: Ilustrasi Dalam Hikayat Abdullah	81
Rajah 2.23: Ilustrasi Dalam Media Cetak	83
Rajah 2.24: Ilustrasi Awal Dalam Surat Khabar dan Majalah	85
Rajah 2.25: Ilustrasi Awal Ketika Siri Penentangan Penjajahan	90
Rajah 3.1: Transkripsi Data Temubual Saranan Merriam (2009:110)	123
Rajah 3.2: Proses Pengumpulan Data Seperti Saranan Noraini Idris (2010)	124
Rajah 3.3: Ilustrasi Berdasarkan Konsep Piktorial	129
Rajah 3.4: Model 'Gabungan Organik' Untuk Mentafsir Karya Seni Halus	137



Rajah 3.5: Unsur Seni dan Prinsip Rekaan	139
Rajah 3.6: Pecahan 'Gabungan Organik' Dalam Peta Minda	142
Rajah 3.7: Carta Alir Dalam Metod Analisis Data Ilustrasi	148
Rajah 3.8: Teori Penyelidikan	149
Rajah 4.1: Ilustrasi Karya Mohd Yaman Ahmad Mus pada Januari 1957	152
Rajah 4.2: Penggunaan Unsur Seni dan Prinsip Rekaan	155
Rajah 4.3: Analisa Subjek dan Imej Ilustrasi 1	158
Rajah 4.4: Ilustrasi karya Felix Poh pada Februari 1962	170
Rajah 4.5: Ilustrasi Karya Felix Poh pada Mei 1962	183
Rajah 4.6: Ilustrasi Karya K. Bali pada 4 Januari 1963	200
Rajah 4.7: Penggunaan Unsur Seni dan Prinsip Rekaan	203
Rajah 4.8: Ilustrasi Karya K. Bali pada 14 Januari 1963	213
Rajah 4.9: Ilustrasi Karya K. Bali pada 16 Januari 1963	224
Rajah 4.10: Ilustrasi Karya K. Bali pada 18 Januari 1963	239
Rajah 4.11: Ilustrasi Karya K. Bali pada 21 Januari 1963	250
Rajah 4.12: Ilustrasi Karya K. Bali pada 1 Mac 1963	265
Rajah 4.13: Ilustrasi Karya K. Bali pada 1 April 1963	281
Rajah 4.14: Ilustrasi Karya Aguila pada Oktober 1963	296
Rajah 4.15: Ilustrasi Karya Emwai pada 31 Mac 1962	311
Rajah 4.16: Ilustrasi Karya K. Bali pada 20 September 1963	323
Rajah 4.17: Pakaian Pegawai British ketika Pemerintahan di Borneo Utara	326

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
LAMPIRAN A : Skor Penilaian Ilustrasi Dalam Surat Khabar <i>The Herald</i> Berdasarkan Konsep Piktorial	368
LAMPIRAN B : Skor Penilaian Ilustrasi Dalam Surat Khabar <i>Kinabalu News Buletin</i> Berdasarkan Konsep Piktorial	373
LAMPIRAN C : Skor Penilaian Ilustrasi Dalam Surat Khabar <i>North Borneo News</i> Berdasarkan Konsep Piktorial	380
LAMPIRAN D : Skor Penilaian Ilustrasi Dalam Surat Khabar <i>Anak Sabah</i> Berdasarkan Konsep Piktorial	386
LAMPIRAN E : Skor Penilaian Ilustrasi Dalam Surat Khabar <i>Overseas Chinese Daily News</i> Berdasarkan Konsep Piktorial	399
LAMPIRAN F : Skor Penilaian Ilustrasi Dalam Surat Khabar <i>North Borneo News and Sabah Times</i> Berdasarkan Konsep Piktorial	407
LAMPIRAN G : Skor Penilaian Ilustrasi Dalam Surat Khabar <i>Sabah Times</i> Berdasarkan Konsep Piktorial	412
LAMPIRAN H : Skor Penilaian Ilustrasi Dalam Surat Khabar <i>Daily Express</i> Berdasarkan Konsep Piktorial	419
LAMPIRAN I : Jumlah Skor Penilaian Ilustrasi Berdasarkan Konsep Piktorial Bagi Surat Khabar <i>The Herald</i>	425
LAMPIRAN J : Skor Penilaian Akhir Ilustrasi Berdasarkan Konsep Piktorial Bagi Seorang Penilai	430
LAMPIRAN K : Skor Penilaian Akhir Ilustrasi Berdasarkan Konsep Piktorial Bagi menentukan Tema Penyelidikan Secara Keseluruhan (3 Orang Penilai)	431

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi huraian secara mendalam mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kaedah kajian, mendapatkan data, justifikasi pemilihan kajian dan kepentingan kajian. Selain itu, kandungan bab ini juga turut mengandungi batasan kajian dan pendefinisan operasional secara terperinci berdasarkan tujuan utama kajian. Bahagian kesimpulan merumuskan dengan jelas tentang keseluruhan rangkaian kajian ini. Setiap huraian secara terperinci dilakukan pada setiap tajuk bertujuan untuk memudahkan pemahaman pembaca pada bab-bab seterusnya. Setiap petikan yang diambil daripada pernyataan atau pendapat turut dinyatakan sumbernya.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

Sejarah awal kewujudan ilustrasi dalam surat khabar di Sabah boleh dilihat menerusi surat khabar pertama dan tertua dikenali sebagai "*The British North Borneo Herald and Official Gazette*" pada tahun 1883 di Kudat North Borneo (Lihat Jadual 1.1). Surat khabar yang menggunakan Bahasa Inggeris tersebut mengandungi ilustrasi logo pada muka hadapan surat khabar Syarikat British Borneo Utara (SBBU)<sup>1</sup> yang tertera perkataan "PERCO ET PEREGO" memaparkan ikon dua figura sedang memegang tombak sebagai sebahagian dari identiti penjajah<sup>2</sup> (Lihat Lampiran A: Ilustrasi 1) Selain itu, ilustrasi-ilustrasi kecil sebagai hiasan dan iklan juga merupakan sebahagian ciptaan seni visual daripada kalangan pelukis-pelukis barat yang mempunyai tujuan dalam bidang samada ekonomi,

---

<sup>1</sup> British North Borneo Chartered (BNBCC) mula berkuasa penuh pada tahun 1881 sebagai kuasa besar imperialis barat dalam sistem perdagangan antarabangsa kerana kekayaan hasil sumber bumi Borneo Utara (Rosmawati Alicia, 2003)

<sup>2</sup> Perco Et Pereggo adalah lambang bagi SBBU yang bermaksud "Berusaha dan Mencapai" dan menjadikan motto utama dalam sistem pentadbirannya (Sumber dari Muzium Negeri Sabah, 23 Mei 2014)

pendidikan, sejarah mahupun kesedaran estetik. Bukan itu sahaja, ilustrasi digunakan ketika zaman pemerintahan Inggeris sebagai salah satu alat merakam peristiwa-peristiwa bersejarah selain tujuan penentangan dan propaganda di Borneo Utara. Namun, penerbitannya telah terhenti seketika setelah pendudukan Jepun di Borneo Utara dari tahun 1941 hingga 1945.

Selepas Jepun menyerah kalah, surat khabar tempatan memulakan penerbitannya dalam bahasa Mandarin dan Bahasa Inggeris, iaitu surat khabar *Overseas Chinese Daily News* (OCDN) pada tahun 1949, *North Borneo News and Sabah Times* (NBN & SB) pada 1954, *Anak Sabah* (1956) dan *Sabah Times* (1954). Kemudian terdapat dua buah surat khabar berbahasa Mandarin diperkenalkan pada tahun 1960, iaitu *Api Siang Pao* dan *Sandakan Jih Pao* yang juga menerbitkan *Sandakan Sunday News* pada tahun 1962 dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Kadazan menjadikan ianya surat khabar mingguan pertama diterbitkan di Borneo Utara.

Kemudian, pada tahun 1965 wujud surat khabar mingguan yang dikenali sebagai *The Kinabalu Sunday Times* diterbit dan dicetak dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Jelas, perkembangan selepas era Jepun menduduki Borneo Utara telah membuka lembaran baru buat syarikat-syarikat surat khabar melebarluas berita-berita, rencana dan pelbagai tulisan serta tidak ketinggalan gambar dan bahan visual ilustrasi ke tangan pembaca.

**Jadual 1.1: Senarai Surat Khabar Awal di Sabah (North Borneo)**

Bil.	Surat Khabar	Tahun Beroperasi	Bahasa Utama Terbitan
i.	The Herald	1883 - 1941	Bahasa Inggeris
ii.	Overseas Chinese Daily News	(1949, 1960 - 1967, 1972 - 1985, 1987 - Kini)	Bahasa Cina
iii.	North Borneo News	1949 - 1954)	Bahasa Inggeris
iv.	Kinabalu News Bulletin	1951- 1954	Bahasa Inggeris
v.	Sabah Times	(1954)	Bahasa Inggeris
vi.	North Borneo News and Sabah Times	(1954 - 1963)	Bahasa Inggeris
vii.	Sabah Times	(1963 - 1966)	Bahasa Cina
		1963-1968,1980-Kini	Bahasa Inggeris
viii.	Kinabalu Sabah Times	1967,1969-1975	Bahasa Cina
		1969-1979	Bahasa Inggeris
ix.	Anak Sabah	1956-1966	Bahasa Inggeris
x.	Sandakan Jih Pao	1960-1967,1969 1975, 1980-1984,1992,1993	Bahasa Cina
xi.	Sandakan Sunday News	1962	Bahasa Inggeris
xii.	Kinabalu Observer Evening Post	1960-1961	Bahasa Cina
xiii.	Api Siang Pao	1960-1067	Bahasa Cina
xiv.	Borneo Times	1960-1967	Bahasa Cina
		1962-1963	Bahasa Inggeris
xv.	Borneo Post	1961	Bahasa Cina
xvi.	Kinabalu Daily News	1962-1963	Bahasa Cina
xvii.	Tawau Jih Pao	1962-1967,1969-1971	Bahasa Cina
xviii.	Daily Ekspres	1963-1993	Bahasa Inggeris
xix.	Kinabalu Sunday Times	1965-1967	Bahasa Inggeris
xx.	The Kinabalu Times	1966-1968	Bahasa Inggeris
xxi.	Eastern Malaysia Evening Post	1966	Bahasa Inggeris
xxii.	Merdeka Daily News	1969-1980	Bahasa Inggeris
xxiii.	Kinabalu Weekend	1976-1977, 1979-1981	Bahasa Inggeris
xxiv.	Asia Times	1976,1978-1985	Bahasa Cina
xxv.	Sabah Shi Pao	1981	Bahasa Cina
xxvi.	Borneo Mail	1988-Kini	Bahasa Inggeris
xxvii.	Today's News	1988-1990	Bahasa Cina
xxviii.	Borneo Post	1994	Bahasa Inggeris

Sumber: Arkib Negeri Sabah (1994)

Misalnya, kemunculan *The Sabah Times* ketika era kolonial dan pasca merdeka Sabah memuatkan banyak berita dan rencana mengenai dunia politik dan isu-isu kenegaraan. Ia diiringi dengan ilustrasi-ilustrasi dan gambar foto sebagai daya tarikan pembaca. Misalnya karikatur Tungku Abdul Rahman dan pemimpin-

pemimpin negara lain berdepan dengan isu borneo dan Singapura dalam penyatuan Malaysia sekitar tahun 1963 (Lihat Lampiran F: Ilustrasi 8). Isu Maphilindo<sup>3</sup> juga tidak terkecuali apabila disiarkan artikel bersama ilustrasi sebagai agen propaganda yang menggandingkan watak pemimpin negara Malaysia dan Filipina.

Surat khabar *Overseas Chinese Daily News* (OCDN) merupakan surat khabar berbahasa Mandarin secara tradisinya memainkan peranan sangat penting kepada kelangsungan kebudayaan dan identiti masyarakat Cina. Ia diungkapkan menerusi ilustrasi komik, iklan dan lukisan hiasan sebagai bacaan visual tambahan. Surat khabar *North Borneo News and Sabah Times* (NBN & SB) satu-satunya surat khabar yang menyediakan ruangan khas "*Our Romanised Malay Corner*" (ORMC) yang menggunakan Bahasa Melayu. Ruangan yang berkongsi dengan ruang "*Kadazan Corner*" ini dilihat suatu halaman memaparkan dunia sastera Melayu moden yang mula bertapak di Sabah (Ungku Maimunah Mohd Tahir, 1988:34). Ruangan ORMC memuatkan pelbagai jenis tulisan dan ilustrasi yang dikendalikan oleh K. Bali termasuklah rencana, surat pembaca, berita, cerpen, sajak dan catatan yang diiringi dengan ilustrasi-ilustrasi sebagai hiasan. Bukan itu sahaja, K. Bali juga adalah pelukis yang menyumbangkan karya kartun dan ilustrasi menerusi ruangan khas "*Kartun Kita*" pada setiap bulan keluaran NBN & SB.

Selain itu, surat khabar minda kanak-kanak dan remaja *Anak Sabah* mempunyai pengaruh visual yang kuat untuk menarik minat pembaca. Garapan ilustrasi yang menarik boleh ditemui menerusi ruangan khas seperti '*Corner For Girls*' dan '*Wild Life In Borneo*' bagi membantu artikel dengan pemahaman yang jelas. Penggunaan garisan dan jalinan sangat ditekankan bagi membentuk imej-imej realistik. Begitu juga pada ruangan kartun humor '*The Adventure of Tom*' karya Mohd Yaman Ahmad Mus yang terbit pada setiap keluaran. Ilustrasi kartun

---

<sup>3</sup> Maphilindo atau Mafilindo adalah singkatan perkataan Malaysia, Filipina dan Indonesia merupakan ikatan, cantuman dan gugusan negara terbabit bagi meningkatkan perhubungan persahabatan dan menyelesaikan pertelingkahan.

beliau ditampil dengan gaya spontan aksi humornya yang tersendiri tetapi sarat dengan tema sosial dan budaya masyarakat ketika itu. Salah satu keistimewaan *Anak Sabah* kepada pembaca adalah, editor surat khabar mengambil inisiatif mencungkil bakat-bakat baru untuk diketengahkan menerusi pertandingan lukisan di samping menyediakan hadiah-hadiah bulanan yang menarik kepada setiap pemenang. Misalnya, surat khabar *Anak Sabah* yang menyediakan ruangan "*May Art Competition*" dan "*Drawing Competition*". Kebanyakan penyertaan adalah dari pelajar-pelajar sekolah menengah yang sangat meminati ruangan tersebut. Dari situ maka muncullah beberapa pelukis ilustrasi yang mula mengorak langkah mengembangkan bakat dalam bidang ilustrasi. Antara nama yang sering mendapat tempat dalam surat khabar tersebut adalah seperti A. Kuswady, Abdul Aziz Saffinel, Chong Sung Yun, Von Kon Pau dan Chiam Tsun Ann. Ilustrasi-ilustrasi yang dihasilkan oleh pelukis terbabit kebanyakannya menampilkan rakaman landskap tempatan dan sosial budaya masyarakat yang pelbagai etnik dan agama.

Surat khabar *Kinabalu News Buletin* menghasilkan ilustrasi pada kepala surat khabar (*cover front page*) memberi kesan estetik pada muka hadapannya. Ilustrasi pada surat khabar milik sebuah kelab sukan di Jesselton<sup>4</sup> ini menampilkan dua figura sedang melakukan aksi sukan pada sudut kiri dan kanan mengapit ilustrasi gunung kinabalu memberi gambaran bahawa kemahiran tinggi pelukis tersebut menghasilkannya. Pada bahagian dalam isi kandungan surat khabar tersebut juga menyediakan ilustrasi-ilustrasi aksi sukan digunakan sebagai bantuan pemahaman pada teks yang tulis. Secara keseluruhannya, ilustrasi dalam surat khabar Sabah ketika tahun 1883 hingga 1963 telah menampilkan pelbagai jenis ilustrasi dengan berbagai-bagai tema serta fungsi kepada pembaca samada penyampaian info, perniagaan, kritikan, mesej dan pengajaran serta keperluan estetik.

---

<sup>4</sup> Jesselton merupakan nama lama kepada Kota Kinabalu, ibu negeri Sabah bertukar pada 22 Disember 1967 iaitu 4 tahun selepas Sabah menyertai gagasan Malaysia yang baru (Sejarah Sabah Bergambar, 2010)

**Jadual 1.2: Jenis Surat Khabar Mengikut Skop Kajian**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Surat Khabar</b>	<b>Tahun Pengeluaran</b>	<b>Jumlah Keluaran (Naskhah)</b>
i.	North Borneo Herald	1883 - 1941	138
ii.	Kinabalu News Bulletin	1951- 1954	21
iii.	North Borneo News	1949 - 1954	45
iv.	Anak Sabah	1956-1966	24
v.	Overseas Chinese Daily News (OCDN)	1949-1960	20
vi.	North Borneo News & Sabah Times	1954 - 1963	36
vii.	Sabah Times	1954	27
viii.	Daily Express	1963	12
<b>Jumlah Keseluruhan Naskhah</b>			<b>323</b>

Sumber: Arkib Negeri Sabah (1994)

Jadual 1.2 adalah jumlah naskhah yang telah diperolehi oleh penyelidik untuk membuat pemerhatian dan mengklasifikasikan mengikut tahun dan jenis surat khabar berdasarkan skop kajian iaitu dari tahun 1883 hingga 1963. Manakala Jadual 1.3 adalah jumlah keseluruhan ilustrasi yang telah dikumpul data-datanya berdasarkan lapan jenis surat khabar.

**Jadual 1.3: Jumlah Keseluruhan Ilustrasi**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Surat Khabar</b>	<b>Jumlah Ilustrasi</b>
i.	North Borneo Herald	20
ii.	Kinabalu News Bulletin	23
iii.	North Borneo News	20
iv.	Anak Sabah	40
v.	Overseas Chinese Daily News (OCDN)	22
vi.	North Borneo News & Sabah Times	16
vii.	Sabah Times	18
viii.	Daily Express	18
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>177</b>

Sumber: Arkib Negeri Sabah (1994)

Ilustrasi yang dihasilkan dalam surat khabar adalah merupakan rekod sejarah peripenting kepada peradaban dan ketamadunan bangsa. Lakaran imej-imej dan gambar figura merupakan sebahagian dari seni tampak yang seringkali mendominasi setiap ilustrasi menggambarkan situasi masyarakat pada masa itu